

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>				
AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN				
1	Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Syarikat Pembekal Secara Digital	Struktur Organisasi	Untuk memudahkan proses pengeluaran surat keputusan dan lesen / sijil pendaftaran kepada syarikat pembina / kontraktor / pembekal termasuk untuk mengurangkan penggunaan kertas dan bagi menyokong inisiatif SMART MOD	Bagi tujuan meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai terutama sekali kontraktor dan pembekal, ABCi telah memperkenalkan Lesen Pembina, Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Syarikat Pembekal secara digital. Ini bermaksud, pihak ABCi tidak lagi mengeluarkan atau mencetak lesen dan sijil secara <i>hardcopy</i> . Dengan adanya <i>digital license / certificate</i> ini, maka pihak syarikat juga tidak perlu mengambil lesen / sijil di pejabat ABCi, ABCi akan menghantar lesen / sijil melalui emel syarikat. Selain daripada meningkatkan perkhidmatan dan memudahkan proses kerja dalaman, inisiatif ini juga adalah untuk mengurangkan penggunaan kertas dan bagi menyokong inisiatif SMART MOD.
2	Contractor Scoring Assessment	Struktur Organisasi	Untuk menilai penglibatan pemilik tempatan syarikat kontraktor dan prestasi kontraktor sewaktu melaksanakan projek-projek kerajaan dan memantau sama ada syarikat kontraktor menepati sasaran LBD yang dinyatakan dalam LBD Circular Bil.01/2019	Menyediakan satu borang penilaian prestasi kontraktor yang menyeluruh termasuk pencapaian <i>local business development</i> bagi syarikat-syarikat kontraktor yang mengikuti dan melaksanakan tawaran-tawaran kerajaan dibawah Kementerian Pembangunan. Borang penilaian ini menggantikan borang laporan siap kerja yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.
3	Pengenalan <i>Local Business Development Circular Ministry of Development</i>	Dasar	Untuk memperkenalkan dan memberigakan LBD Circular Bil./01/2019 kepada <i>stakeholders</i> yang berkepentingan dan seterusnya memperkenalkan beberapa inisiatif LBD Kementerian Pembangunan seperti <i>Contractor Scoring Assessment</i> , Anugerah Kontraktor Cemerlang, Program i-Usahawan dan sebagainya	Pengenalan / pelancaran <i>Local Business Development (LBD) Circular</i> , Kementerian Pembangunan Bil.01/2019 kepada <i>stakeholders</i> yang berkepentingan dalam industri pembinaan. LBD Circular ini diperkenalkan adalah sejajar degan usaha Kerajaan Keawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan pembangunan yang mampan bagi kapasiti keupayaan, kompetensi dan daya saing syarikat-syarikat tempatan dan juga bagi merealisasikan perancangan strategik Kementerian Pembangunan dalam mendokong pembangunan perniagaan tempatan sebagai tonggak pertumbuhan dalam industri pembinaan di Negara ini.
4	Mengemaskini Buku Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Edisi 2020	Pelakuan Organisasi	Mengemaskini buku prosedur edisi 2012 selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan dan syarat-syarat pendaftaran yang berjalan pada masa ini.	Pengemaskinian prosedur pendaftaran kontraktor dan pembekal edisi 2020 yang mana beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama jabatan-jabatan kerajaan bagi tujuan pengemaskinian prosedur. Beberapa siri pemberigian juga turut diadakan bersama pegawai dan kakitangan dibawah Kementerian Pembangunan dan syarikat-syarikat pembinaan dan syarikat pembekal yang berdaftar di Kementerian Pembangunan.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>DIVISYEN PENGURUSAN LEMBAGA (BMD)</b>				
5	Pemberigaaan Perintah dan Peraturan	Pelakuan Organisasi	Meningkatkan kesedaran mengenai keperluan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran dan pengawalseliaan profesional seperti arkitek, jurutera profesional, jurukur bahan dan penilai (<i>valuers</i>)</li> <li>• Pendaftaran dan pengawalseliaan terhadap perkhidmatan agensi harta tanah</li> <li>• Pengawalseliaan pemaju perumahan termasuk transaksi pelaksanaan estet perumahan</li> <li>• Pendaftaran dan pengawalseliaan terhadap perkhidmatan tukang pelan</li> </ul>	Memberigakan mengenai penguatkuasaan perintah (APEQSO, 2011; HDO, 2012; VEO, 2009) kepada pihak yang berkepentingan seperti jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, institusi kewangan, institusi undang-undang dan institusi pengajian tinggi.
<b>DIVISYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>				
6	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkesan	Pelakuan Organisasi	Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap yang betul dalam memberikan perkhidmatan kaunter yang berkualiti. Kemahiran berkomunikasi menepati ekspektasi pelanggan.	Setiap organisasi perlu berpegang teguh kepada prinsip mengutamakan pelanggan dalam semua aspek pengurusan. Adalah menjadi tanggungjawab dalam sama-sama meningkatkan imej organisasi dan keterampilan diri masing-masing. Setiap pekerja mestilah sentiasa sensitif kepada kehendak pelanggan dengan membuat perubahan kepada proses, kerja, peraturan, sistem, dan prosedur dalam memberi perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan.
<b>DIVISYEN PELABURAN DAN UNDANG-UNDANG</b>				
7	<i>Investment Workplan</i>	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneliti semula dan menyediakan tatacara, proses dan garis panduan serta dasar bagi cadangan penambahbaikan kepada kemajuan konsep hakmilik strata</li> <li>• Merebiu keberkesanan dasar, tatacara dan proses pembangunan strata dan mencadangkan langkah-langkah pembaikan dan penambahbaikan dasar, tatacara dan pelaksanaan proses bagi dua (02) jenis konsep pembangunan strata iaitu Projek Pembangunan Hartanah Persendirian (<i>Private Property Deveopment</i>) dan Projek Pembangunan Perumahan bagi Rancangan Kemajuan Negara (RPN) di masa akan datang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek untuk meneliti semula tatacara, proses dan garis panduan secara pentadbiran bagi kemajuan konsep hak milik strata (<i>strata title</i>) yang kurang jelas yang mana sambutan penggunaan strata kurang menggalakkan sejak Akta Strata Penggal 189 dikuatkuasakan pada 1 Julai 2009 dan ini telah mengurangkan keyakinan dari kalangan pemaju, orang ramai dan pihak Institusi Kewangan di Negara ini.</li> <li>• Konsep pembangunan hakmilik strata di Negara Brunei Darussalam adalah bagi memastikan penggunaan tanah secara optima yang mana selaras dengan visi Jabatan Tanah khususnya dan Wawasan Negara 2035 secara amnya.</li> </ul>
8	<i>Government Lease Land</i>	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu <i>ease of doing business</i></li> <li>• Membuka peluang kepada pelabur-pelabur tempatan</li> <li>• Menambah nilai tanah-tanah kerajaan yang kosong</li> <li>• Menyumbang kepada peningkatan KDNK</li> <li>• Membuka peluang kepada FDI</li> <li>• Membantu SMEs tempatan dengan menyediakan kawasan atau tapak-tapak perniagaan</li> <li>• Program untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta bagi melabur di atas aset kerajaan di kesemua Daerah untuk dimajukan dengan konsep yang bersesuaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah pembukaan tanah-tanah kerajaan melalui proses tawaran kepada pihak swasta yang dikenali sebagai "<i>Government Land Lease (GLL)</i>"</li> <li>• Tanah-tanah kerajaan berkenaan yang telah dikenalpasti berdayamaju (<i>viable</i>) untuk dimajukan dengan kemajuan yang bersesuaian dan akan ditawarkan secara pajakan</li> <li>• Menyediakan proses pelaksanaan tatacara bagi mendapatkan tapak kerajaan melalui Program GLL</li> <li>• Mengambilkira perancangan-perancangan tertentu bersama Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan bagi memastikan sejajar (<i>align</i>) dengan strategik-strategik semasa</li> <li>• Memastikan penelitian semula ke atas dasar-dasar premis bagi tanah pajakan program GLL yang lebih teratur dan relevan serta praktikal untuk diguna pakai mengikut perubahan</li> </ul>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				ekonomi global masa • Meneliti dan menyediakan garis panduan dan dasar bagi syarat kelayakan bagi GLL • Mengenalpasti aset yang rosak, terbiar dan terbengkalai bagi pemeliharaan atau mana-mana kemajuan yang bersesuaian.
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT				
9	Board of Architects, Professional Engineer and Quantity Surveyor (BAPEQS) System	Struktur Organisasi	Membukakan ruang kepada ahli-ahli professional di Brunei Darussalam untuk mendapat pengiktirafan dan kelulusan dari Badan Lembaga untuk memberikan perkhidmatan menurut kepakaran yang diperolehi secara atas talian.	Menyediakan platform secara atas talian kepada ahli-ahli profesional arkitek, jurutera, dan juruukur bahan untuk membuat pendaftaran baru, pendaftaran untuk <i>specialist</i> dan pendaftaran untuk <i>practicing certificate</i> sebagai ahli ataupun membaharui keahlian yang telah mansuh. Setelah pendaftaran diluluskan, ahli boleh memuat turun sijil keahlian yang baru.
10	Intergation of eKP and OneBiz	Struktur Organisasi	Memudahkan orang awam khususnya <i>professionals</i> untuk membuat permohonan di setiap langkah tanpa perlu memasukkan maklumat dan menyertakan dokumen berulang-ulang	Program ini dilaksanakan untuk memudahkan orang awam khususnya professional dalam memohon kebenaran melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan permohonan kemajuan tanah / bangunan tanpa perlu memasukkan maklumat dan menyertakan salinan dokumen yang sama (berulang-ulang) di setiap langkah permohonan.  Proses untuk mendapatkan kebenaran dalam permohonan kemajuan akan melalui enam langkah. Setiap langkah, pemohon diperlukan untuk mengisi borang secara dalam talian, dan menyertakan dokumen-dokumen tertentu. Kebanyakan maklumat yang diperlukan adalah sama di setiap langkah permohonan. Pada masa ini, langkah pertama menggunakan sistem eKP (Sistem Kebenaran Perancangan) yang mana di bawah kawalan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Manakala langkah seterusnya menggunakan sistem OneBiz yang mana ianya di bawah kawalan ABCi.  Bagi memudahkan badan profesional memohon kebenaran tanpa perlu mengetahui jabatan yang melaksanakan dan mengelakkan daripada memasukkan maklumat yang berulang-ulang, Unit IT Kementerian Pembangunan telah mengambil inisiatif untuk menyalurkan maklumat yang ada dalam sistem eKP ke sistem OneBiz, dengan menggunakan kaedah penolakan data ( <i>push</i> ) ke <i>staging server</i> .

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
11	Program Penyaluran Maklumat Kebankrapan ( <i>online</i> ) daripada Jabatan Kehakiman Negara	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memendekkan tempoh masa menunggu bagi pemohon</li> <li>• Memendekkan tempoh masa dalam melaksanakan proses dalaman</li> <li>• Mengurangkan penggunaan kertas dalam memohon maklumat daripada agensi-agensi berkenaan</li> <li>• Mengurangkan kerja yang berulang-ulang</li> </ul>	<p>Program ini adalah salah satu langkah untuk membantu dalam memendekkan masa menunggu permohonan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Tanah.</p> <p>Jabatan Tanah Kementerian Pembangunan adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam memproses permohonan orang awam yang berkaitan dengan Hal Ehwal Tanah. Proses dalaman yang perlu ialah meneliti permohonan yang diterima dengan mengambil kira maklumat-maklumat mengenai pemohon bukan saja yang ada di Jabatan Tanah malah termasuk maklumat di luar daripada kawalan Jabatan Tanah seperti maklumat mengenai dengan kebangkrapan pemohon yang mana maklumat ini adalah di bawah kawalan Jabatan Kehakiman Negara.</p> <p>Setelah diselidiki dari segi perjalanan untuk memproses permohonan yang berkaitan, salah satu daripada sebab utama yang membawa kelambatan dalam memproses permohonan adalah dalam mendapatkan maklumat kebangkrapan. Maklumat kebangkrapan ini diperlukan bagi setiap permohonan sebelum permohonan tersebut dapat dipanjangkan untuk kebenaran.</p> <p>Untuk mendapatkan maklumat tersebut, Jabatan Tanah akan memohon kepada Jabatan Kehakiman Negara secara persuratan dengan menyenaraikan permohonan yang diterima. Seterusnya Jabatan Kehakiman Negara akan meneliti nama-nama pemohon di dalam sistem JCMS dan memberi maklumbalas ke Jabatan Tanah seperti dipohonkan.</p> <p>Dengan adanya program ini, maklumat kebangkrapan akan dikemaskini oleh pihak Jabatan Kehakiman Negara melalui sistem JCMS, manakala pihak Jabatan Tanah boleh mendapatkan status terkini permohonan melalui sistem ROCBN bila-bila masa, tanpa perlu memohon kepada pihak Jabatan Kehakiman Negara</p> <p>Projek ini dibahagikan kepada 2 fasa:- Fasa 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelidik sistem / maklumat digital yang diperlukan ada tersimpan di dalam mana-mana pangkalan data</li> <li>• Memastikan maklumat tersebut dapat dikongsisama</li> <li>• Mendapatkan persetujuan dalam gunasama sistem / maklumat digital yang ada daripada Kementerian berkenaan</li> </ul> <p>Fasa 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencadangkan kaedah perkongsian data</li> <li>• Mengendalikan integrasi sistem / data</li> </ul>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
12	MOD e-Services	Struktur Organisasi	Memudahkan orang awam untuk membuat permohonan tanpa perlu mengetahui jabatan-jabatan yang melaksanakan.	Memudahkan orang awam memohon perkhidmatan di bawah kawalan Kementerian Pembangunan tanpa perlu mengetahui jabatan-jabatan yang mengendalikan.  Program ini dijalankan dalam 2 fasa:- <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2019: Mengubahsuai laman sesawang Kementerian Pembangunan dengan mampautkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada sistem atau memuat turun borang yang berkaitan</li> <li>• 2020: Menyediakan portal Kementerian Pembangunan bagi membolehkan orang awam memohon perkhidmatan secara <i>online</i></li> </ul>
13	MOD e-office: Providing a Platform for Common Document Sharing	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan penyimpanan dokumen-dokumen (digital) secara pusat</li> <li>• Memudahkan akses keatas dokumen berkenaan dari dalam mahupun luar pejabat</li> <li>• Memendekkan tempoh masa maklumat disampaikan kepada yang berkenaan (proses dalaman)</li> <li>• Mengurangkan penggunaan kertas</li> </ul>	Dengan kemudahan 'government cloud services' yang disediakan oleh pihak EGNC, Kementerian Pembangunan telah menjalankan satu inisiatif dalam penggunaannya. Usaha tersebut ialah menyediakan bagi penyimpanan dokumen makluman / pemberitahuan secara umum dan pusat ( <i>centralized</i> ) yang boleh diakses di pejabat mahu pun dari rumah melalui internet.  Pada peringkat fasa pertama - penyaluran persuratan umum: a. Surat - Surat Keliling (SK) b. Surat - Surat Pemberitahuan (Luar) c. Surat-Surat Pemberitahuan (dalaman)
<b>JABATAN KERJA RAYA</b>				
<b>JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN</b>				
14	Penelitian Semula Penggunaan Occupational Safety & Health Specifications and Bill of Quantities (OSHBQ & SPEC)	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan pihak jabatan pelaksana menggunakan OSHBQ untuk dimasukkan ke dalam dokumen tawaran</li> <li>• Memastikan pengawalan jumlah yang diperuntukkan bagi keperluan HSE bagi setiap projek</li> <li>• Kearah pematuhan terhadap perintah keselamatan dan kesihatan tempat kerja 2009 dan peraturan berkaitan</li> <li>• Mengurangkan kadar kejadian / kemalangan di tapak pembinaan</li> </ul>	Meneliti semula OSHBQ bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa dan mudah untuk digunakan oleh semua Pegawai Pengawas Projek selaras dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 dan Peraturan berkaitan dan mengambil kira ulasan-ulasan dari jabatan-jabatan pelaksana terhadap OSHBQ yang sedia ada dengan menubuhkan satu Jawatankuasa penelitian OSHBQ.
15	Paperless Programme	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempromosi amalan penggunaan kertas yang efektif</li> <li>• Mengurangkan kos operasi jabatan</li> <li>• Mengurangkan penggunaan kertas di setiap jabatan</li> <li>• Menggalakkan perhubungan melalui emel</li> <li>• Meningkatkan kesedaran cinta alam sekitar</li> </ul>	Meningkatkan kesedaran mengenai amalan bekerja secara <i>paperless</i> di setiap Jabatan Kerja Raya dengan membuat analisis terhadap trend penggunaan kertas di setiap Jabatan dan memerlukan Jabatan untuk menyusun strategi ke arah penggunaan kertas.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
16	Penambahbaikan Sistem Inventori Peralatan Perlindungan Diri dan Keselamatan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merekod inventori jumlah barang-barang yang diterima dari pembekal dan pengagihan barang-barang seterusnya memudahkan pihak Bahagian HSE untuk membuat pembelian barang mengikut jenis barang yang <i>high demand / fast moving item</i> bagi mengelak dari penyimpanan yang berlebihan</li> <li>• Merekod keterangan penerima / pengguna barang, tarikh dan jumlah barang yang diterima untuk mempercepatkan penyemakan ke atas permohonan selanjutnya</li> <li>• Memudahkan pemantauan ke atas baki simpanan barang-barang dan pembelian barang-barang</li> <li>• Sistem yang mudah untuk digunakan oleh kakitangan yang kurang mahir dalam program komputer</li> </ul>	Menambahbaik sistem inventori sedia ada bagi peralatan perlindungan diri kepada yang lebih mesra pengguna dan efisien dengan merekodkan tarikh penerimaan dan pengagihan secara lebih teratur seterusnya tarikh luput barang-barang dapat dikesan dan jumlah yang diperlukan dapat dijangkakan.
<b>JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN</b>				
17	Sistem Amaran Awal Banjir Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Untuk Sungai Kedayan dan Sungai Damuan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai penggunaan teknologi <i>Internet of Things (IoT)</i> bagi pemantauan paras air sungai</li> <li>• Memberikan sistem amaran awal banjir</li> <li>• Penyiataan potensi aplikasi teknologi dalam sistem pemantauan alam sekitar</li> </ul>	Pemasangan 10 alat penyukat paras ketinggian air sungai di lokasi strategik di sepanjang cabang tadahan Sungai Kedayan dan Sungai Damuan bagi memberikan data ketinggian paras air secara <i>real - time</i> dan juga memberi amaran awal banjir jika paras air sungai melebihi batas yang telah ditentukan. Data akan diterima melalui emel, amaran berasaskan laman sesawang ( <i>web based</i> ) atau aplikasi telefon pintar ( <i>mobile application</i> ). Pengukuran paras air sungai secara <i>real - time</i> akan di arkib dan ianya boleh diakses melalui platform laman dashboard laman sesawang. Penggunaan kaedah IoT diharapkan dapat menghasilkan laporan dan cadangan yang lebih baik dari segi kemudahan dan keberkesanan pemantauan paras ketinggian air sungai dengan menggunakan kaedah IoT.
<b>JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL</b>				
18	Pameran Bahagian Kajian Tanah KS, Jabatan Perkhidmatan Teknikal (DTS) Semasa Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia 2019	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesedaran orang ramai mengenai kejadian tanah susur, gegaran, gempa bumi dan tsunami</li> <li>• Menyediakan informasi yang berguna bagi orang ramai mengenai kejadian tersebut</li> <li>• Menyalurkan informasi mengenai kontrak-kontrak sekiranya terjadinya kejadian-kejadian tersebut iaitu Talian Darussalam 123</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan pameran mengenai peranan Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS) Jabatan Perkhidmatan Teknikal (DTS) yang berkaitan dengan perubahan iklim dan cuaca di Negara Brunei Darussalam</li> <li>• Pameran tersebut mengandungi pembentangan mengenai statistik berlakunya kejadian tanah susur dan kaitannya dengan turun hujan</li> <li>• Pameran mengenai statistik kejadian gegaran di Brunei dan kejadian Gempa Bumi dan Tsunami di Asia Tenggara</li> <li>• Menyediakan <i>leaflet</i> mengenai peranan - peranan Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS)</li> </ul>
<b>JABATAN PERKHIDMATAN AIR</b>				
19	Program Kesedaran Awam dalam Penjimatan Air	Pelakuan Organisasi	Mengurangkan penggunaan air dari 380 liter / seorang / sehari kepada 290 liter / seorang / sehari menjelang 2023	Bagi memupuk kesedaran awam dalam penggunaan air melalui media sosial, pameran dan program kesedaran di sekolah-sekolah.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	<b>Tajuk Program / Projek</b>	<b>Fokus WPA 21</b>	<b>Objektif</b>	<b>Keterangan Ringkas Program / Projek</b>
20	Kajian Keperluan Air	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai rangkaian paip air yang sedia ada</li> <li>• Mengemaskini kajian keperluan dan sumber air yang sedia ada</li> <li>• Penyediaan cadangan bagi pembaikan</li> </ul>	Kajian keperluan air bagi Negara Brunei Darussalam
21	Piawaian Produk Tandas dan Paip Air yang Lebih Efisien dalam Penjimatan Air	Dasar	Mewujudkan piawaian penjimatan air peralatan tandas dan paip air bagi kegunaan rumah persendirian dan pejabat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan 'rating' keberkesanan produk dalam penjimatan air</li> <li>• Penukaran peralatan jamban dan paip air di Jabatan Perkhidmatan air dengan menggunakan peralatan penjimatan air yang sudah berdaftar dengan ABCi. Projek juga melibatkan kajian tentang penjimatan air sebelum dan sesudah penukaran tersebut.</li> </ul>
<b>JABATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL</b>				
22	Menaiktaraf Tatacara Pengurusan Penghapusan Barang M&E	Struktur Organisasi	-	-
<b>JABATAN TANAH</b>				
23	Integrasi Sistem Pendaftaran Tanah (LRS) dengan Sistem Permohonan dan Pendaftaran Tanah (LARIS)	Struktur Organisasi	Projek ini disasarkan untuk memberikan kemudahan orang ramai membuat permohonan tanah dan meningkatkan efisiensi permohonan tanah	Fokus projek ini membolehkan penerimaan permohonan atas talian melalui LARIS dihidupkan semula dengan mengintegrasikan dengan Sistem Pendaftaran Tanah LRS
<b>JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA</b>				
24	Sistem Informasi Maklumat Perancangan dan Kemajuan (iPK)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambahbaik tatacara menghadapkan permohonan agar proses ini menjadi lebih mudah kepada pengguna</li> <li>• Menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pemohon</li> </ul>	Sistem Informasi Maklumat Perancangan dan Kemajuan (iPK), adalah sistem yang direkacipta secara <i>in-house</i> oleh Bahagian Maklumat Perancangan (BMP) dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Daerah (BKD). Sistem ini disediakan bagi memudahkan syarikat guaman menghadapkan permohonan bagi mendapatkan maklumat perancangan dan kemajuan di atas tanah-tanah lot persendirian secara atas talian ( <i>online</i> ) termasuk mengautomasikan proses kerja dalaman berkaitan.
25	Garis panduan Pemecahan dan / atau penyatuan Tanah (Review)	Dasar	Memastikan garis panduan dan piawaian perancangan bagi pemecahan dan penyatuan tanah yang dijadikan sebagai rujukan semasa menghadapkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran perancangan bagi pemecahan dan atau penyatuan tanah, sentiasa relevan di dalam menangani kehendak kemajuan semasa dan masa akan datang, di samping memudahkan peluang-peluang membuka kawasan baru dan menggalakkan kemajuan yang teratur dan berperancangan di negara ini.	<p>Garis panduan pemecahan dan / atau penyatuan tanah adalah merupakan satu garis panduan perancangan yang pertama kali diterbitkan oleh JPBD pada tahun 2007, dan telah di kemaskini pada 2013. Ianya bertujuan untuk digunakan sebagai panduan bagi Juruukur Tanah Berlesen di dalam menghadapkan permohonan kebenaran perancangan serta pemilik-pemilik tanah lot persendirian yang ingin memecah dan / atau menyatu tanah-tanah lot mereka bagi tujuan kemajuan, pembahagian hak waris, menjual dan sebagainya.</p> <p>Satu kajian telah dilaksanakan keatas garis panduan edisi 2013 bagi mengemaskini polisi dan peraturan sedia ada mengikut keadaan semasa. Hasil daripada kajian ini telah dapat menerbitkan buku garis panduan baru edisi 2019 dan telah mula digunapakai secara rasminya setelah dilancarkan semasa</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada 04 November 2019.
26	Garispanduan Suplementari Kepadatan Tanah	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan garispanduan yang dapat dirujuk oleh orang ramai dan memberikan maklumat yang jelas.</li> <li>Pengenalan kadar-kadar kepadatan tanah baru mengikut kawasan diperkenalkan bagi memastikan pembangunan yang lebih bersistematik disesuaikan dengan lokasi (bandar, pinggir bandar dan luar bandar, pusat-pusat pertumbuhan, kawasan peranginan dan sebagainya) dan nilai tanah. Disamping itu juga, ianya dilaksanakan bagi mendukung strategi utama di dalam pelan induk guna tanah untuk meningkatkan kepadatan tanah (<i>densification</i>) dan menggalakkan kemajuan menegak atau lebih tinggi (<i>vertical development</i>)</li> </ul>	<p>JPBD telah menerbitkan satu garispanduan suplementari yang baru yang mana garispanduan ini menetapkan kadar kepadatan tanah maksima mengikut kawasan - kawasan baru yang diperkenalkan. Disamping itu, nisbah plot sedia ada juga telah dikaji semula dan dinaikkan bagi mengimbangi kepadatan tanah yang lebih tinggi. Pengenalan garispanduan ini adalah hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan pada tahun 2018.</p> <p>Garispanduan ini disediakan sebagai panduan kepada para arkitek khususnya dalam menghadapi permohonan kemajuan dan paa pemaju serta pemilik tanah amnya dalam merancang dan mengenalpasti jenis kemajuan perumahan dan kepadatan yang bersesuaian dan dibolehkan bagi kawasan-kawasan tertentu di negara ini.</p>
27	Garispanduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Industri (Review)	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan garispanduan dan piawaian masih relevan digunakan oleh orang ramai terutama bagi <i>Qualified Person</i> yang mengambilkira perubahan konteks kemajuan industri dan proses permohonan keajuan pada masa ini.</li> <li>Memastikan garispanduan dan piawaian tidak bercanggah dengan garispanduan dan piawaian dari jabatan atau agensi yang lain</li> <li>Mengoptimalkan penggunaan tanah bagi kemajuan industri di dalam mewujudkan persekitaran kemajuan yang lebih selamat dan mampan.</li> </ul>	<p>JPBD telah menerbitkan satu garispanduan dari piawaian bagi kemajuan <i>industry</i>, iaitu hasil dari rebu dan kajian semula garispanduan dan piawaian kemajuan industri yang diterbitkan pada tahun 2010. Melalui hasil kajian semula garispanduan dan piawaian industri yang berkenaan, beberapa perubahan telah diperkenalkan dari segi tatacara menghadapi permohonan, penyelarasan klasifikasi kategori dengan pihak DARE, dan juga pengemaskinian beberapa parameter perancangan berkenaan bagi kemajuan industri.</p> <p>Garispanduan ini disediakan sebagai panduan kepada para arkitek khususnya dalam menghadapi permohonan kemajuan industri dan orang ramai amnya dalam menghadapi permohonan kebenaran perancangan bagi cadangan kemajuan industri.</p>
28	Garispanduan dan Piawaian Tambahan / Ubahsuai Rumah Perumahan	Dasar	Untuk memastikan garispanduan dan piawaian perancangan dijadikan sebagai bahan rujukan semasa menghadapi permohonan bagi mendapatkan kebenaran perancangam adalah sentiasa relevan dan <i>sufficient</i> di dalam menangani kehendak kemajuan semasa dan akan datang, di samping memudahkan peluang-peluang memulakan perniagaan, ( <i>Ease of Doing Business</i> ) di negara ini khusus berkaitan dengan sektor <i>Dealing with Construction Permits</i> .	Garispanduan perancangan bagi tambahan / ubahsuai untuk rumah kembar dan rumah teres sedia ada di kawasan Skim Perumahan Negara adalah salah satu garispanduan yang diterbitkan oleh JPBD pada oktober 2013. Satu kajian atau rebu semula ke atas garispanduan ini telah dilaksanakan oleh jabatan bagi mengemaskini polisi dan peraturan sedia ada mengikut keadaan semasa terutama berkaitan dengan tambahan bangunan perumahan di dalam kawasan perumahan negara. Hasil daripada projek kajian ini telah dapat menerbitkan buku garispanduan baru edisi 2019 dan telah mula digunapakai secara rasminya setelah dilancarkan semasa sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada 4 november 2019.



**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
29	Sistem iPG (Informasi Perancangan Gunatanah)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan orang awam untuk mengetahui maklumat perancangan guna tanah</li> <li>• Memudahkan agensi kerajaan atau swasta memohon tapak</li> <li>• Memudahkan bahagian-bahagian lain dan cawangan di jabatan ini untuk merujuk perancangan guna tanah</li> </ul>	<p>Projek ini adalah merupakan projek kolaborasi di antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bersama Jabatan Ukur dengan menambah maklumat perancangan iaitu zon perancangan dan polisi yang ada di dalam pelan-pelan daerah ke dalam Geoportal Jabatan Ukur. Dengan adanya maklumat perancangan ini disimpan di dalam geoportal, adalah diharapkan ianya akan lebih memudahkan orang ramai di dalam merancang kemajuan yang bersesuaian dengan memahami keperluan setiap zon perancangan yang telah ditetapkan di dalam setiap pelan daerah.</p> <p>Projek ini melibatkan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memasukkan zon-zon perancangan di dalam geoportal; dan</li> <li>• Memasukkan polisi-polisi perancangan berkaitan dengan zon-zon perancangan berkenaan (JPBD)</li> </ul>
30	Sistem Ulasan Infrastruktur	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk memperbaiki pemberian perkhidmatan jabatan kepada setiap ahli yang terlibat di dalam permohonan KP</li> <li>• Mempercepatkan proses bagi mendapatkan ulasa secara atas talian dan tidak menggunakan <i>hardcopy</i></li> <li>• Memudahkan kaedah pengurusan kerja dalam jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem ini direkacipta oleh Bahagian Maklumat Perancangan (BMP) dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Daerah (BKD), JPBD</li> <li>• Sistem ini dibuat secara <i>in house</i> dengan menggunakan <i>online web-based application</i></li> <li>• Sistem ini khas untuk kegunaan jabatan infrastruktur yang terlibat memberikan ulasan ulasan teknikal bagi keperluan permohonan kebenaran perancangan (KP) melalui atas talian tanpa menggunakan <i>hardcopy application</i>.</li> <li>• Jabatan-jabatan teknikal yang terlibat adalah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jabatan Jalan Raya, JKR</li> <li>ii) Jabatan Saluran dan Pembentungan, JKR</li> <li>iii) Jabatan Perkhidmatan Air, JKR</li> <li>iv) Jabatan Perkhidmatan Elektrik</li> </ul> </li> </ul>
<b>JABATAN UKUR</b>				
31	Menaiktaraf Sistem Geoportal	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan sistem Geoportal di layari menggunakan pelbagai <i>Operating System</i> (OS) dan <i>browser</i> samada melalui komputer, tablet, iPad dan telefon bimbit</li> <li>• Mengubahsuai dan menaiktaraf <i>homepage</i> dan <i>defaultpage</i> Sistem Geoportal</li> <li>• Menambah dan mengubahsuai fungsi bagi pengguna berdaftar (<i>registered user</i>)</li> <li>• Menambah fungsi baru iaitu pengguna berdaftar secara langganan (<i>subscribe user</i>)</li> <li>• Membolehkan Sistem CP dan pembayaran atas talian digunakan pelbagai <i>browser</i> dan OS melalui komputer, tablet, iPad dan telefon bimbit</li> <li>• Menyebarkan perkhidmatan penyaluran maklumat pengukuran / pemetaan atas talian kepada lapisan masyarakat</li> <li>• Memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat asas geomatik / pemetaan</li> </ul>	<p>Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, geoportal telah digunakan oleh agensi kerajaan, swasta dan orang ramai bagi mendapatkan maklumat geodetik yang dikehendaki. Dimasa yang sama juga menerima aduan mengenai masalah yang dihadapi oleh pengguna apabila menggunakannya. Jabatan sentiasa membuat pemantauan dan menyediakan saluran aduan mengenainya. Jabatan membuat penilaian isu-isu yang dibangkitkan dan membuat pembaikan mengikut keutamaan secara berperingkat.</p> <p>Geoportal dihasratkan untuk menyalurkan maklumat pengukuran / pemetaan kepada orang ramai secara percuma. Ianya merupakan sebagai salah satu bahan rujukan bagi pelbagai tujuan projek kemajuan dan pembangunan.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan orang ramai berurusan dengan jabatan</li> </ul>	Sejak ianya mula diperkenalkan, beberapa perubahan / penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan dan kemudahan orang ramai.
32	Permohonan Penentuan Hala Kiblat Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan orang ramai membuat permohonan perkhidmatan penentuan Hala Kiblat dan pembayaran menggunakan kad kredit / debit atas talian melalui laman sesawang Jabatan Ukur</li> <li>• Meningkatkan perkhidmatan jabatan melalui perkhidmatan atas talian dan mengoptimalkan penggunaan <i>payment gateway</i> bagi kemudahan pelanggan</li> </ul>	<p>Jabatan Ukur bertanggungjawab dalam penentuan hala kiblat dan menyediakan perkhidmatan berkenaan dengan kadar bayaran. Ianya melibatkan kerja pengukuran bagi menentu hala kiblat dan pemasangan pelekat hala kiblat. Permohonan dibuat dengan mengisi borang permohonan yang disediakan dan menghantarnya ke jabatan.</p> <p>Jabatan Ukur melalui khidmat kontraktor telah melaksanakan pembuatan sistem permohonan secara <i>online</i> bagi memudahkan pemohon tanpa perlu datang ke Jabatan Ukur bagi mendapatkan dan penghantaran borang permohonan.</p>
33	Pembelian Peta Mukim dan Kampung Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan orang ramai membuat pembelian Peta Mukim dan Kampung, dan pembayaran menggunakan kad kredit / debit atas talian melalui Laman Web Jabatan Ukur</li> <li>• Meningkatkan perkhidmatan jabatan melalui perkhidmatan atas talian (<i>online</i>) dan mengoptimalkan penggunaan <i>payment gateway</i> bagi kemudahan pelanggan.</li> </ul>	<p>Sebagai agensi pemetaan negara, Jabatan Ukur menghasilkan pelbagai jenis peta yang dibekalkan kepada agensi kerajaan, swasta dan orang ramai. Peta-peta tersebut digunakan bagi tujuan perancangan, pembangunan, kemajuan tanah, penyelidikan, pembelajaran dan keselamatan.</p> <p>Penjualan peta-peta dilaksanakan di kaunter perkhidmatan di ke empat daerah.</p> <p>Untuk memudahkan pembeli peta-peta, jabatan telah menyediakan sistem pembelian peta dalam bentuk PDF secara <i>online</i>.</p> <p>Pada masa ini perkhidmatan pembelian peta dibukakan bagi peta Mukim dan Kampung dan akan dilaratkan bagi peta-peta lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur secara berperingkat-peringkat.</p>
34	Perkongsian Rajah Geran Tanah (RGT) Secara Berdigit	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan akses Rajah Geran Tanah berdigit (<i>scan</i>) kepada pihak Jabatan Tanah</li> <li>• Memudahkan Jabatan Tanah mendapatkan salinan Rajah Geran Tanah</li> <li>• Mempercepatkan perjalanan aliran kerja (<i>workflow</i>) berbanding dengan penghantaran RGT menggunakan kertas sebelumnya</li> <li>• Merealisasikan <i>data sharing</i> antara jabatan kerajaan</li> </ul>	<p>Salah satu tugas Jabatan Ukur ialah menyediakan Rajah Geran Tanah yang mana akan dihantar kepada Jabatan Tanah untuk proses pendaftaran dan pengeluaran Geran Tanah.</p> <p>Masalah sering dihadapi oleh jabatan ini dalam memberikan rajah geran tanah yang sama dan berulang-ulang. Untuk mengatasi masalah ini perbincangan telah dibuat dan dipersetujui pihak Jabatan Tanah melalui pegawai yang dipertanggungjawabkan dibenarkan untuk mengakses Rajah Geran Tanah yang disimpan secara berdigit di dalam server Jabatan Ukur.</p> <p>Pembuatan sistem telah dilaksanakan oleh Jabatan Ukur dengan menggunakan Perisian <i>Sharepoint</i> dan telah digunakan sehingga kini.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
35	Sistem Status SP ( <i>Survey Paper</i> ) Secara Atas Talian ( <i>online</i> )	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan orang awam untuk mengetahui status permohonan kerja pengukuran secara atas talian (<i>online</i>) melalui laman sesawang jabatan</li> <li>• Meningkatkan perkhidmatan <i>Online</i> jabatan dan memudahkan pelanggan berurusan</li> </ul>	<p>Kerja pengukuran tanah mengambil masa dan menggunakan sistem giliran. Pemohon dari masa kesemasa ingin mengetahui status permohonan mereka sama ada dengan membuat panggilan telefon atau datang ke jabatan. Bagi menangani perkara ini satu sistem telah disediakan oleh Jabatan Ukur yang dapat diakses oleh orang ramai secara <i>online</i> melalui laman sesawang jabatan.</p> <p>Sistem ini memudahkan orang awam untuk mengetahui kedudukan / status kerja pengukuran tanah yang dipohonkan. Dengan memasukkan nombor SP (<i>Survey Paper</i>) sistem akan memperlihatkan status kerja pengukuran tersebut.</p>
<b>JABATAN ALAM SEKITAR DAN TAMAN REKREASI</b>				
36	Mengemaskini Proses dan Prosedur Kutipan Bayaran <i>Tipping Fees</i> Pembuangan Sisa di Stesen Pindah Sungai Akar dan Tapak Pelupusan Sungai Paku	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pembayaran <i>tipping fees</i> berjalan dengan lancar dan efektif</li> <li>• Memastikan tiada tunggakan hasil dari pembayaran <i>tipping fees</i>.</li> </ul>	<p>Perkhidmatan pelupusan sisa buangan di Stesen Pindah Sungai Akar dan Tapak Pelupusan Sungai Paku mula beroperasi sejak tahun 2011 dibawah pelaksanaan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB). Bayaran <i>Tipping Fees</i> yang dikenakan kepada orang ramai ialah bagi sisa buangan jenis pukal (<i>bulky waste</i>), sisa buangan binaan dan sebagainya. Berikutan bayaran <i>tipping fees</i> yang dikenakan sepanjang tempoh beberapa tahun, pihak jabatan tekah mendapati tunggakan bayaran sejak tahun 2016. Dalam usaha menangani masalah tunggakan tersebut, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah mula mengemaskini proses kutipan termasuk memberikan surat-surat amaran dan mengemaskini borang-borang pendaftaran yang berkaitan dengan jenis perkhidmatan pelupusan sisa buangan tersebut.</p>